

# kalendar peristiwa-peristiwa penting



**6 – 8 April 2007**  
**Seminar Agensi Am 2007**

Buat pertama kalinya, Takaful IKHLAS menganjurkan Seminar Agensi Am dari 6 hingga 8 April 2007 di Hotel Equatorial Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur. Program tersebut diadakan untuk memberi peluang kepada para peserta untuk memperbaiki diri dan mempertingkatkan motivasi mereka ke arah pencapaian misi organisasi. Seminar tersebut dihadiri oleh 127 peserta yang terdiri daripada ejen-ejen Takaful Am, wakil francais serta peniaga kenderaan dari seluruh negara. Ianya dirasmikan oleh Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful IKHLAS, Syed Moheeb Syed Kamarulzaman.

**5 Mei 2007**  
**Pelancaran Insentif Agensi Keluarga 2007/2008**

Pelancaran Insentif Agensi Keluarga Takaful IKHLAS bagi tahun ini diadakan di Taman Teknologi. Pada acara tersebut, semua ejen menerima buku panduan dan poster Konvensyen Antarabangsa dan Anugerah Agensi Tahunan. Destinasi utama bagi Konvensyen Antarabangsa tahun ini adalah peluang mengerjakan Umrah & Ziarah melalui Kaherah; melancong ke Auckland, New Zealand dan Bandung, Indonesia.



**29 Mei & 19 November 2007**  
**Taklimat Penganalisis**

Taklimat Penganalisis MNRB diadakan dua kali setahun untuk mengumumkan keputusan kewangan Kumpulan. Keputusan yang disampaikan oleh Anuar Mohd Hassan, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MNRB, mendapat sambutan memberangsangkan daripada para Penganalisis Pelaburan, Pengurus Dana dan wakil-wakil media.



**16 Jun 2007**  
**Pembukaan Rasmi Pejabat Wilayah Sarawak**

Takaful IKHLAS dengan rasminya membuka Pejabat Wilayah di Kuching, Sarawak. Majlis perasmian tersebut diadakan di Hotel Crowne Plaza, Kuching dan dihadiri oleh 300 orang ejen dan rakan kongsi perniagaan Takaful IKHLAS. Takaful IKHLAS akan membuka 2 buah lagi pejabat di Sabah dan Putrajaya di mana kelulusan pembukaannya telah pun diperolehi daripada Bank Negara Malaysia. Pejabat Wilayah Sarawak adalah pejabat wilayah yang keempat. Tiga pejabat lain adalah Pejabat Wilayah Timur di Kota Bharu, Kelantan; Pejabat Wilayah Utara di Sg. Petani, Kedah dan Pejabat Wilayah Selatan di Johor Bahru, Johor. Cawangan utama Takaful IKHLAS adalah di Kuala Lumpur.



**27 – 29 Julai 2007**  
**Pameran Islam Antarabangsa 2007**

Takaful IKHLAS mengambil bahagian dalam Pameran Islam Antarabangsa 2007 (IIF07) sebagai salah satu daripada penaja utama dalam acara tahunan yang dianjurkan oleh Saba Islamic Media. Acara selama 3 hari bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur itu berjaya menarik lebih 70,000 orang pengunjung dan menampilkan pameran pelbagai organisasi, produk dan penyedia perkhidmatan tempatan dan antarabangsa. Ia adalah satu platform yang baik untuk Syarikat meluaskan kesedaran terhadap jenamanya di kalangan orang ramai.



**30 Julai 2007**  
**Mesyuarat Agung Tahunan ke-34**

Kira-kira 300 orang termasuk para pemegang saham dan wakil media telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-34 di Bangunan Malaysian Re. Ramai di antara pemegang saham menggunakan peluang ini, bukan hanya untuk mengajukan soalan, malah untuk mengenali Pengurusan dan ahli Lembaga Pengarah dengan lebih dekat lagi.

## kalender peristiwa-peristiwa penting



### **4 Ogos 2007** **Malam Anugerah Agensi 2006/2007**

Kedua-dua bahagian Takaful Keluarga dan Am, Takaful IKHLAS telah bekerjasama menganjurkan Malam Anugerah Agensi Tahunan bagi Tahun Kewangan 2006/2007. Tema majlis tersebut adalah "Malam Seribu Bintang". Seramai lebih 800 hadirin dan penerima anugerah telah datang ke majlis yang diadakan di Dewan Perdana Felda, Jalan Semarak, Kuala Lumpur itu. Majlis tersebut menyaksikan penyampaian anugerah kepada individu yang mencatat pencapaian paling cemerlang dalam pelbagai kategori pengeluaran perniagaan.



### **11 Ogos 2007** **Pertandingan Golf Malaysian Re ke-18**

Pertandingan Golf Tahunan Malaysian Re pada tahun ini telah diadakan di Tropicana Golf & Country Resort. Acara tersebut menerima sambutan yang memberangsangkan dengan penyertaan 111 orang pemain golf. Sejajar dengan sambutan Kemerdekaan yang ke-50, acara tersebut dianjurkan dengan tema "MERDEKA".

### **21 Ogos 2007** **Pelan Takaful bagi Program Penajaan Usahawan MARA** **(Majlis Menandatangani MOU)**

Takaful IKHLAS menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi Skim Penajaan Usahawan MARA. Skim tersebut meliputi pelan perlindungan seperti "IKHLAS Group Credit Term Takaful (GCTT)" dan IKHLAS Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT) bagi usahawan kecil dan sederhana. Skim MARA tersebut menasaskan penajaan berjumlah sekitar RM202 juta untuk 7,200 pemohon. Pada masa yang sama, Takaful IKHLAS juga menasaskan penajaan berjumlah RM10 juta daripada keseluruhan skim penajaan berkenaan.



### **29 – 30 Ogos 2007** **Persidangan Antarabangsa yang ke-3** **berhubung Takaful dan Takaful Semula**

Penyertaan Takaful IKHLAS sebagai Penaja Ganga dalam ICTR3 telah menyaksikannya memainkan peranan sebagai tuan rumah kepada para delegasi dalam acara lawatan ke Bangunan Takaful IKHLAS. Wan Mohd Fadzullah Wan Abdullah, Naib Presiden Eksekutif & Ketua Pegawai Operasi telah membuat satu pembentangan berhubung Kecemerlangan Penyebaran Agensi, Pengurusan Jualan Agensi, Pentadbiran dan Latihan. Semasa Persidangan tersebut berlangsung, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, Syed Moheeb Syed Kamarulzaman telah berperanan sebagai perantara untuk sesi bertajuk "Peranan Takaful dan Tanggungjawab Sosial Korporat". Sebuah lagi anak syarikat MNRB, MNRB Retakaful, turut mengambil bahagian dalam acara tersebut.

### **17 – 18 September 2007** **Pembaharuan audit Pengawasan oleh SIRIM bagi pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000**

Pada 17 hingga 18 September, satu audit penilaian semula telah dijalankan oleh SIRIM bagi pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000. Semasa mesyuarat penutup, SIRIM telah mengesyorkan agar pensijilan ISO 9001:2000 tersebut diteruskan tanpa sebarang perubahan. Ini adalah satu pencapaian cemerlang kerana ianya membuktikan bahawa Malaysian Re komited untuk memenuhi keperluan para pelanggannya yang kompleks serta sentiasa mempertingkatkan proses penyediaan perkhidmatannya.



### **20 September 2007** **Majlis Berbuka Puasa**

Majlis Berbuka Puasa tahunan bersama para jemputan daripada industri insurans dan kakitangan MNRB dan Malaysian Re diadakan pada 20 September 2007 di Bangunan Malaysian Re. Semasa menanti waktu berbuka, Ustaz Zulkarnain Hamzah telah menyampaikan ceramah bertajuk "Ramadhan Hadiah Untuk Muslimin dan Muslimat".



**29 Oktober 2007**  
**Rumah Terbuka Hari Raya Kumpulan MNRB**

Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, Kumpulan MNRB telah menjemput lebih 1,500 tetamu termasuk rakan-rakan kongsi perniagaan ke Majlis Rumah Terbuka. Para tetamu dijamu dengan pelbagai hidangan lazat dan dihiburkan dengan presembahan Ghazal sepanjang majlis berlangsung.



**8 Januari & 1 April 2008**  
**Majlis Makan Tengahari Kumpulan MNRB Bersama Media**

Kumpulan MNRB telah menganjurkan dua majlis makan tengahari bersama media yang dihadiri oleh para editor kanan daripada agensi media cetak dan elektronik. Ia merupakan peluang terbaik untuk kakitangan Pengurusan Kanan Kumpulan mengenali wakil-wakil media dengan lebih dekat.



**13 – 15 Januari 2008**  
**Malaysia Services Exhibition 2008**

MNRB Retakaful telah mengambil bahagian dalam pameran Malaysia Services Exhibition 2008 (MSE 2008) yang julung kali diadakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu. Pameran ini telah dirasmikan oleh Sheikh Sultan Mohamed Sultan Al Qasimi, Putera Mahkota Sharjah. Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri, YB Datuk Seri Rafidah Aziz turut hadir di majlis pembukaan rasmi acara tersebut. Penyertaan MNRB Retakaful adalah untuk mewujudkan kesedaran umum terhadap Syarikat dan mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.



**15 Januari 2008**  
**Takaful IKHLAS dalam WADI (Wang Anda dan Islam), ASTRO**

Takaful IKHLAS amat terharu dan bangga kerana diberikan peluang oleh ASTRO untuk menyertai salah sebuah program mereka iaitu "Wang Anda dan Islam". Takaful IKHLAS mengambil peluang tersebut untuk memaparkan aspirasinya sebagai penyedia perkhidmatan perlindungan kewangan pilihan berpandukan prinsip dan nilai-nilai Islam. Program WADI yang mula dirakamkan pada bulan Januari 2008 menampilkan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful IKHLAS, Syed Moheeb Syed Kamarulzaman, yang menerangkan konsep *Tabarru'* dan *Gharrar*. WADI disiarkan pada awal bulan Februari 2008 di saluran ASTRO Oasis dengan

memaparkan temubual bersama para pelanggan Takaful IKHLAS yang memberikan pandangan berhubung perkhidmatan yang disediakan oleh Takaful IKHLAS.



**25-26 Januari 2008**  
**Kempen Kesedaran Kewangan Islam**

MNRB Retakaful menerima jemputan daripada Persatuan Takaful Malaysia (MTA) untuk mengambil bahagian dalam "Kempen Kesedaran Kewangan Islam (KEKWI)" yang dianjurkan secara bersama oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), MTA dan Bank Negara Malaysia. Acara tersebut bertujuan untuk mempromosikan produk-produk kewangan Islam; dan mewujudkan kesedaran di kalangan orang ramai serta menggalakkan profesionalisme kewangan Islam di Malaysia.



**18 Mac 2008**  
**Majlis Pelancaran Malaysian Re Dubai**

Malaysian Re Dubai dilancarkan secara rasmi oleh Yang Berbahagia Dato' Mubin Razali, Duta Malaysia ke UAE pada 18 Mac 2008. Lebih 100 orang tetamu telah menghadiri majlis bersejarah tersebut. "Keperluan untuk membawa perkhidmatan lebih dekat kepada para pelanggan telah memberi semangat untuk kita meluaskan kehadiran fizikal kita di rantau MENA," kata Sharkawi Alis, Pengerusi Malaysian Re Dubai. Dubai dipilih kerana ia merupakan pusat industri insurans MENA.